



UCAPAN PERASMIAN

**YB TUAN BARU BIAN
MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN KENDERAAN
MEKANISASI UNTUK
PENYELENGGARAAN LEBUHRAYA
PLUS DAN MENANDATANGANI
MEMORANDUM PERSEFAHAMAN
ANTARA LLM, CIDB & UEM
EDGENTA**

18 JUN 2019 (SELASA)

**UEM EDGENTA LEARNING CENTRE,
PETALING JAYA**

Terima kasih saudara Pengerusi Majlis

**YBhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin
Bin Syed Ikhsan**

Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya Malaysia

YBhg. Dato' Azmir Merican

Ketua Pengarah dan Ketua Pegawai
Eksekutif, UEM Edgenta Berhad

YBhg. Dato' Sr. Aziz Bin Abdullah

Ketua Pengarah
Lembaga Lebuhraya Malaysia

**YBhg. Dato' Ir. Ahmad 'Asri bin Abdul
Hamid**

Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan
Malaysia (CIDB)

YBhg. Dato' Noorazman Abdul Aziz

Pengerusi
UEM Group Berhad

YBhg. Datuk Azman Ismail

Pengarah Urusan
PLUS Malaysia Berhad

Dif-dif jemputan

Rakan-rakan media massa

Barisan pengurusan UEM Edgenta Berhad
serta

Hadirin yang dihormati sekalian

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak UEM Edgenta Berhad kerana sudi menjemput saya bagi menyempurnakan **Majlis Pelancaran Kenderaan Mekanisasi Untuk Penyelenggaraan Lebuhraya PLUS Dan Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Antara LLM, CIDB Malaysia & UEM Edgenta** pada hari ini.

2. Syabas dan tahniah diucapkan kepada UEM Edgenta atas inisiatif proaktif yang diambil untuk meningkatkan kecekapan dalam kualiti pengoperasian dan penyelenggaraan Lebuhraya PLUS.

3. Sememangnya UEM Edgenta sebagai peneraju industri penyelenggaraan infrastruktur, yang menyelenggara lebih 2,500 kilometer jalan raya di Malaysia dan Indonesia amat komited dalam memastikan

aspek penyelenggaraan lebuh raya sentiasa berada dalam keadaan yang terbaik demi keselamatan dan keselesaan 1.5 juta pengguna jalan raya setiap hari, termasuk Lebuhraya PLUS.

4. Sesungguhnya, saya amat berbesar hati dengan inisiatif positif yang diambil oleh UEM Edgenta dan ingin menyeru agar semua agensi yang terlibat untuk bersama-sama menggembleng tenaga membawa industri ini ke peringkat yang lebih cemerlang pada masa hadapan.

PENYELENGGARAAN ASET LEBUH RAYA

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

5. Projek pembangunan infrastruktur dan fasiliti rakyat sememangnya memerlukan belanja yang amat besar. Kemudahan yang dibina memerlukan peruntukan bukan sahaja dalam aspek pembinaan, malah yang paling utama adalah dalam aspek penyelenggaraan agar rakyat dapat menggunakannya dengan selamat dan selesa. Umum mengetahui bahawa syarikat konsesi mengeluarkan perbelanjaan yang besar setiap tahun untuk menyelenggara dan menjalankan operasi lebuh raya.

6. Kerja-kerja penyelenggaraan tidak hanya terhad kepada kerja penurapan jalan sahaja seperti mana yang biasa kita lihat. Malahan, ia turut merangkumi aset-aset lain seperti pengawasan cerun, sistem perparitan, aspek mekanikal dan elektrik, bangunan, landskap, peralatan keselamatan, papan tanda, lampu jalan, kawasan rehat dan lain-lain.

7. Selari dengan aspirasi kerajaan dalam mengutamakan kesejahteraan rakyat dan pembangunan infrastruktur negara, Kementerian Kerja Raya komited untuk meningkatkan mobiliti dan kesalinghubungan. Fokus tekni Kerajaan pada masa ini sedang beralih kepada penggunaan teknologi-teknologi baharu dalam industri pembinaan untuk memastikan kemampuan infrastruktur dan keselamatan para penggunaanya.

**PENGGUNAAN TEKNOLOGI MULAG
GRASS CUTTER DAN DULEVO ROAD
SWEEPER DALAM OPERASI
PENYELENGGARAAN ASET LEBUH RAYA**

Hadirin sekalian,

8. Penggunaan kenderaan mekanisasi ***Mechanised Grass Cutter*** yang pertama di Asia Tenggara dan ***Mechanical Road Sweeper*** yang pertama di Malaysia ini, sudah pastinya menjadi peristiwa bersejarah buat UEM Edgenta, dan ia selaras dengan aspirasi serta menyokong saranan Kerajaan, khususnya Kementerian Kerja Raya (KKR) dalam memastikan kemampanan infrastruktur lebuh raya di Malaysia.

9. Saya juga difahamkan bahawa UEM Edgenta telah melaburkan lebih daripada RM100 juta sepanjang tiga tahun lepas untuk tujuan mekanisasi serta automasi dan telah memperkenalkan proses-proses baharu bagi menambahbaik kualiti perkhidmatannya serta meningkatkan tahap keselamatan pengguna-pengguna lebuh raya.

10. Saya percaya, melalui penggunaan kenderaan mekanisasi *Mechanised Grass Cutter* dan *Mechanical Road Sweeper* ini, ianya mampu mempertingkatkan produktiviti dan menjadikan kerja-kerja penyelenggaraan lebuh raya dan jalan raya lebih efisien sekaligus dapat mengurangkan kos penyelenggaraan.

11. Saya juga dimaklumkan bahawa kenderaan mekanisasi *Mechanised Grass Cutter* dan *Mechanical Road Sweeper* ini merupakan antara inisiatif-inisiatif yang diperkenalkan melalui program inovasi dan teknologi UEM Edgenta yang memfokuskan kepada pemerksaan teknologi dalam pelbagai aspek termasuk pengoperasian dan penyelenggaraan lebuh raya serta jalan raya selaras dengan fokus utama baharu KKR iaitu “Mendigitalkan Industri Pembinaan”.

12. Kenderaan mekanisasi *Mechanised Grass Cutter* ini sangat efisien dan mampu meningkatkan produktiviti, di mana ianya adalah **15 kali lebih laju** berbanding kaedah pemotongan konvensional.

13. Manakala *Mechanical Road Sweeper* pula dikatakan mampu mengurangkan risiko kemalangan kepada pekerja operasi di lebuh raya. Kenderaan mekanisasi ini mampu membersihkan lebuh raya daripada halangan atau serpihan merbahaya seperti tayar pecah tanpa memerlukan pekerja-pekerja operasi berjalan di atas lebuh raya raya atau memberhentikan kenderaan. Ianya juga mampu beroperasi **10 kali lebih laju berbanding sweeper** yang digunakan sekarang, menjadikannya lebih efisien dan

selamat untuk pekerja-pekerja menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan serta pengguna lebuhraya. Kedua-dua kenderaan mekanisasi ini boleh mengurangkan jumlah tenaga kerja sekaligus meningkatkan produktiviti serta mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing.

14. Semasa lawatan saya ke Ibu Pejabat UEM Edgenta pada awal tahun ini, saya juga turut berpeluang melihat demonstrasi Sistem Pengurusan Aset Jalan Raya atau "RAMS", sebuah teknologi terkini dan penyelesaian generasi akan datang yang digunakan untuk pengurusan dan pengoptimuman aset lebuhraya. Sistem ini mampu mengurangkan kos penyelenggaraan dengan efisien dan meningkatkan produktiviti serta memastikan lebuhraya sentiasa selamat kepada pengguna. Sistem RAMS ini telah digunakan di sepanjang lebuhraya dan jalan raya di Malaysia yang diselenggara oleh UEM Edgenta.

15. UEM Edgenta juga telah mengaplikasikan teknologi moden seperti CCTV dan "global positioning system (GPS)" untuk memantau dan memastikan tindak balas cepat dalam mengatasi masalah-masalah penyelenggaraan di lebuhraya. Ini

membuktikan bahawa UEM Edgenta sangat komited dalam bidang inovasi dan teknologi terkini, sebagai pendokong utama dalam pembangunan infrastruktur negara bagi mencapai aspirasi Kerajaan Malaysia Baharu.

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA LLM, CIDB & UEM EDGENTA

Hadirin yang dihormati sekalian,

16. Pada hari ini, kita juga akan menyaksikan pemetaraan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara pihak LLM, CIDB dan juga UEM Edgenta. Saya amat mengalu-alukan kerjasama antara Kerajaan dengan industri kerana inisiatif seumpama ini merupakan satu pendekatan yang sangat progresif dan memerlukan penglibatan daripada semua pihak untuk memanfaatkan kepakaran masing-masing.

17. Kementerian Kerja Raya juga melahirkan sokongan terhadap inisiatif-inisiatif yang telah dijalankan oleh UEM Edgenta untuk meningkatkan tahap serta kualiti perkhidmatan lebuhraya kepada rakyat.

Bagi mengotakan janji Timbalan Menteri, YB Tuan Haji Mohd Anuar dalam program *Partners Operations Dialogue (POD)* anjuran UEM Edgenta beberapa bulan yang lalu, semua badan kerajaan di bawah KKR - iaitu JKR, LLM dan CIDB akan memberikan sokongan penuh kepada UEM Edgenta dan hari ini menjadi saksi kepada terbentuknya inisiatif baharu menerusi MoU yang bakal dimeterai pada majlis ini.

18. Menerusi MoU ini, peraturan dan piawaian lebuhraya akan ditetapkan berdasarkan amalan pekerjaan yang terbaik (best practices) seterusnya meningkatkan kecekapan dalam industri penyelenggaraan lebuhraya di Malaysia. Prosedur operasi, arahan pekerjaan, kecekapan penyeliaan dan budaya keselamatan merupakan komponen utama dalam menyediakan persekitaran kerja yang efisien bagi meningkatkan keselamatan jalan raya termasuklah melindungi pengguna-pengguna dan pekerja-pekerja penyelenggaraan lebuhraya. Diharapkan apa yang akan dicapai pada hari ini bakal menjadi penanda aras kepada industri penyelenggaraan lebuhraya yang terbaik pada masa hadapan.

19. Saya berharap dengan kerjasama daripada ketiga-tiga agensi ini, ianya akan memberi manfaat khususnya kepada rakyat serta mampu merealisasikan aspirasi Kementerian Kerja Raya untuk menjadikan industri penyelenggaraan aset lebuhraya ini maju dan berdaya saing hingga ke peringkat antarabangsa.

HARAPAN KEMENTERIAN

20. Adalah menjadi harapan Kementerian Kerja Raya supaya inisiatif-inisiatif untuk mengukuhkan kerjasama di antara kerajaan dan pihak swasta menjadi tulang belakang dan nadi pembinaan infrastruktur Negara.

21. Sekali lagi saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada UEM Edgenta Berhad kerana menjadi perintis dengan memperkenalkan penggunaan kenderaan mekanisasi *Mechanised Grass Cutter* yang pertama di Asia Tenggara dan *Mechanical Road Sweeper* yang pertama di Malaysia. Inisiatif ini merupakan sesuatu pencapaian yang perlu dibanggakan dan berharap agar lebih banyak lagi syarikat swasta menggunakan inovasi dan teknologi terkini dalam perkhidmatan yang ditawarkan.

22. Saya juga menyeru kepada semua pihak yang terlibat agar dapat bekerjasama dengan Kerajaan dan bergerak seiring bagi memberi manfaat kepada rakyat.

23. Akhir kata, saya dengan sukacitanya merasmikan **Kenderaan Mekanisasi Untuk Penyelenggaraan Lebuhraya PLUS** pada hari ini. Sekian, terima kasih.

Prepared By : UEM Edganta Sdn. Bhd.